

05/03/1997

MT Umno rakamkan ucapan takziah

KUALA LUMPUR, Selasa - Majlis Tertinggi (MT) Umno malam ini merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Tan Sri Yahaya Ahmad yang terkorban bersama isterinya, Puan Sri Rohana Othman, selepas helikopter yang mereka naiki terhempas di Kuala Lipis, Pahang, malam semalam.

"MT turut merakamkan ucapan penghargaan atas sumbangan bakti Allahyarham kepada Umno," kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas mempengerusikan mesyuarat MT di ibu pejabat parti, di sini malam ini.

Allahyarham Yahaya dan isteri, terbunuh apabila helikopter yang dinaiki terhempas di Kampung Atong, Jerangsang, Kuala Lipis, kira-kira jam 11 malam semalam.

Turut terbunuh dalam tragedi itu ialah juruterbang helikopter berkenaan, Mejar (B) Azlizan Abdul Manas.

Dua mayat pertama dikeluarkan dari bangkai helikopter itu kira-kira jam 2.30 pagi, manakala satu lagi ditemui terperangkap di tempat duduk belakang kira-kira 10 minit kemudian.

Kali terakhir Yahaya bersama Perdana Menteri ialah pada pelancaran Kempen Menanam Pokok Seluruh Negara di Medan Idaman, Batu 5.5 Jalan Gombak di sini, petang semalam.

Dr Mahathir berkata, dalam mesyuarat yang sama anggota MT turut memutuskan bahawa mana-mana anggota parti yang dipecat kerana terbabit dalam kesalahan serius hanya dibenarkan mengemukakan rayuan selepas tiga tahun.

Kes yang dimaksudkan, katanya, termasuk kesalahan menyokong parti lawan dalam pilihan raya umum dan menggunakan wang ketika kempen pemilihan Umno.

"Kita masih memegang kepada keputusan lama yang dibuat iaitu mereka yang terbabit dengan kesalahan serius terpaksa menunggu tiga tahun sebelum dibenarkan mengemukakan rayuan," katanya.

(END)